

17 MAY 1996

Razaleigh-PAS

TENTANGAN PAS TAK MASUK AKAL, KATA TENGKU RAZALEIGH

KOTA BAHARU, 17 Mei (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau tidak faham mengapa PAS menentang usaha Parti Melayu Semangat 46 (S46) untuk bekerjasama dengan Umno sedangkan Islam menyeru kepada perpaduan.

"Apa salahnya kita hendak mencari kawan seberapa ramai yang boleh...dulu dia tak halangpun kita berkawan dengan DAP dan PBS (Parti Bersatu Sabah)," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini hari ini sejurus tiba dari Kuala Lumpur.

Presiden S46 itu pulang ke Kelantan untuk bertemu anggota-anggota parti setelah akhbar-akhbar melaporkan minggu lepas mengenai hasrat S46 bekerjasama dengan Umno dan kemungkinan beliau kembali ke pangkuan Umno demi perpaduan orang Melayu.

PAS telah mengkritik langkah S46 itu sehingga menjejaskan hubungan kedua-dua parti yang menjadi rakan dalam Angkatan Perpaduan Ummah yang memerintah Kelantan sejak 1990.

Tengku Razaleigh berkata beliau telah memaklumkan kepada pimpinan PAS pusat sebaik sahaja selesai pilihan raya umum tahun lepas mengenai kesediaan Umno untuk berjumpa dengan Angkatan.

Katanya, pimpinan PAS bersetuju supaya beliau juga bercakap bagi pihak PAS untuk mencari perpaduan demi kebaikan orang Melayu.

Perkara itulah yang dibawanya dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, kata Tengku Razaleigh. Mereka bertemu dua kali dalam masa dua bulan lepas.

Beliau berkata parti-parti dalam Angkatan sepatutnya mengambil peluang daripada perkembangan itu untuk meluaskan pakatan di kalangan orang Melayu sedangkan dulu Umno tidak mahu berunding dengan mereka.

"Kenapa pula nak marah-marah kepada kita yang hendak mencari perpaduan sehingga nak bunuh perpaduan ini...tak terima akal," katanya.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa PAS hanya akan bekerjasama dengan S46 Kelantan dan menganggap S46 pusat telah berkubur kerana para pemimpinnya hendak menyertai Umno, Tengku Razaleigh berkata Nik Aziz perlu melihat kepada realiti.

"Dia bukan hakim dunia. Yang saya tahu S46 satu parti sahaja," katanya.

-- BERNAMA

AZZ AKD